



MAHKAMAH RAYUAN



PENGENALAN

Di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Mahkamah Agung yang terdiri daripada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan telah ditubuhkan.

Pada 24 Jun 1994, Mahkamah Rayuan telah ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah Rayuan 1994. Penubuhan tersebut telah mengembalikan proses rayuan secara 2 peringkat dalam institusi perundangan negara. Pada awalnya, Mahkamah Rayuan terdiri daripada Presiden Mahkamah Rayuan, yang merupakan pengerusi Mahkamah Rayuan dan juga 10 orang Hakim Mahkamah Rayuan. Presiden Mahkamah Rayuan juga merupakan ahli Mahkamah Persekutuan.

Mengikut peruntukan Perkara 122A Perlembagaan Persekutuan, bilangan maksimum terkini bagi Hakim Mahkamah Rayuan adalah 32 orang.

KETUA & PELANTIKANNYA

- Ketua bagi Mahkamah ini dipanggil sebagai Presiden Mahkamah Rayuan
- Beliau dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dengan nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja

BIDANG KUASA


- Di bawah Perkara 121 (1B) Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa Mahkamah Rayuan adalah untuk memutuskan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi berkaitan kes Jenayah atau Sivil dan apa-apa bidang kuasa lain yang diberikan oleh atau di bawah Undang-Undang Persekutuan.

BIDANG KUASA RAYUAN SIVIL

- Keputusan dicapai melibat persetujuan pihak-pihak terlibat
- Perkara-perkara yang melibatkan tuntutan RM250,000.00 ke atas, kecuali mendapat persetujuan Mahkamah Rayuan
- Penghakiman melibatkan kos sahaja mengikut budi bicara mahkamah

BIDANG KUASA RAYUAN JENAYAH

- Berkuasa mendengar rayuan kes yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi
- Rayuan keputusan Mahkamah Sesyen
- Rayuan kes jenayah daripada Mahkamah Sesyen
- Rayuan kes jenayah daripada Mahkamah Majistret berhubung dengan persoalan undang-undang sahaja



TINDAKAN MAHKAMAH INI TERHADAP RAYUAN KES JENAYAH

- Membicara semula di Mahkamah Tinggi
- Mengubah keputusan Mahkamah Tinggi
- Mengubah hukuman yang ditetapkan di Mahkamah Tinggi
- Mendapatkan bukti tambahan melalui perbicaraan.

SUMBER RUJUKAN UTAMA

[PORTAL RASMI PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA](#)

